



MONUMEN Perdana Menteri Malaysia pertama, YTM, Tunku Abdul Rahman dibina pada tahun 1971 sebagai tanda penghormatan terhadap jasa dan pengorbanan beliau kepada agama, bangsa, dan negara. Turut kelihatan ialah blok menara Parlimen Malaysia yang dihiasi pelbagai saiz Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-52. Sambutan Hari Kemerdekaan di Parlimen adalah kali kedua, sambutan yang pertama pada tahun 1967. Pada tahun ini, Parlimen Malaysia menyambut Jubli Emas pada 11 September 2009 yang lalu.

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng
Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

KETUA PENGARANG

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

PENGARANG

Ahmad Fauzi Haji Mustafa
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

PENOLONG PENGARANG

Mustafar Ramdzuan Zakaria
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

Wan Noorzaleha Wan Hasan
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

Rozana Abdullah
Pegawai Penerbitan Parlimen Malaysia

JURUFOTO

Haji Abu Bakar Hasan
Jurufoto Parlimen Malaysia

TERBITAN

Parlimen Malaysia
Artikel yang disiarkan dalam BULETIN PARLIMEN MALAYSIA tidak semestinya mencerminkan pendapat Sidang Redaksi, tetapi lebih merupakan pendapat penulis.

REKA BENTUK DAN CETAKAN Percetakan Watan Sdn. Bhd.

BP. BIL. No. 4/Siri 2/T2009 | ISSN 1985-3513


Sidang Redaksi BULETIN PARLIMEN MALAYSIA mengalu-alukan sumbangan artikel dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

BULETIN PARLIMEN MALAYSIA
Unit Penyelidikan, Tingkat 5, Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2072 1955 | Fax : 03-2026 9785
Email: buletinparlimen@parlimen.gov.my

Kandungan



- Dari Meja Ketua Pengarang... 03
- Perutusan Yang di-Pertua Dewan Negara... 04
- Perutusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat... 05
- Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri... 06
- Tahniah: Pelantikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6... 07
- Tahniah: Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara... 08
- Tahniah: Srikandi Dewan Negara... 08
- Ucapan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Sempena Persaraan Yang di-Pertua Dewan Negara... 09
- Memori : Allahyarham Y.B. Senator Prof Dr. Ismail Salleh... 10
- Membina Kerjaya Melalui Kepuasan Bekerja... 11
- Gagasan 1Malaysia: Agenda Membina Negara... 11
- Keikhlasan: Menyempurnakan Tugas... 12
- Perubahan Landskap Institusi Parlimen... 12
- Perpaduan Benteng Kesejahteraan Negara... 13
- Pelantikan Ahli Dewan Negara Februari 2009 – September 2009... 14
- Penyata Rasmi Pertama Dewan Rakyat... 16
- Penyata Rasmi Pertama Dewan Negara... 19
- Sekalung Budi: 25 Tahun Perkhidmatan... 21
- Senarai Kakitangan Parlimen yang Telah Berkhidmat Lebih 25 Tahun... 23
- Nostalgia Parlimen Dahulu dan Kini... 24
- Siaran Media Hari Pertama Persidangan Pertama Parlimen... 29
- Tahukah Anda? ... 31
- Bangunan Parlimen Malaysia dan Keistimewaan... 36
- Syiling Jubli Emas Parlimen Malaysia... 39
- Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Evolusinya... 40





Mesyuarat Pertama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu... 48



Transformasi Kepimpinan Malaysia... 52

Suara Wakil Rakyat Wanita di Parlimen... 56

Sambutan Hari Merdeka Dahulu dan Kini di Parlimen Malaysia... 60



Pameran Kesedaran Palestin... 63

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2008... 63

Kursus Permantapan Pengawal Keselamatan Parlimen Malaysia Siri 2... 64



1st AIPA Caucus Meeting, Kuala Lumpur Malaysia... 64

Kursus Asas Bina Negara... 65

Maulidur Rasul... 67

Lawatan Muhibbah... 69

Lawatan Kerja dan Sosial Warga Parlimen Malaysia ke Terengganu Darul Iman... 70



Promosi Durian dan Buah-buahan Tempatan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani... 71

Majlis Jasamu Dikenang... 72

Hari Keluarga Parlimen Malaysia 2009... 73

Majlis Berbuka Puasa Warga Parlimen... 74

Majlis Aidilfitri Warga Parlimen... 74

Rumah Terbuka Parlimen Malaysia... 75

Pembentangan Bajet 2010... 76

Free Gaza Movement... 76

Lawatan Pemimpin dan Tetamu Luar Negara ke Parlimen Malaysia... 77



Rang Undang-undang yang Telah Diluluskan di Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-12... 81



DARI MEJA KETUA PENGARANG

YBHG. DATUK KAMARUDDIN MOHAMED BARIA
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

***Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia..***

SEMPENA ulang tahun kelima puluh Parlimen Malaysia, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membolehkan segala pengurusan berjalan dengan lancar demi memartabatkan Parlimen.

Sesungguhnya Jubli Emas Parlimen pada 11 September 2009 lalu mempunyai erti yang amat besar kepada negara dan rakyat Malaysia. Pada usia 50 tahun, Parlimen Malaysia merupakan lambang yang mempunyai identiti yang tersohor buat negara.

Sepanjang tempoh itu, Parlimen Malaysia telah banyak mencorakkan hala tuju dan perjuangan demokrasi negara di bawah pimpinan enam orang Perdana Menteri yang kita hormati. Menerusi suara Yang Berhormat sama ada dalam Dewan Negara atau Dewan Rakyat, semuanya itu adalah suara rakyat yang mahukan perubahan demi kesejahteraan, kestabilan, perpaduan dan keselamatan bangsa dan negara.

Menerusi Buletin Parlimen Malaysia sempena 50 tahun, adalah diharapkan setiap rencana yang dipaparkan menjadi satu bingkisan yang boleh dikongsi bersama sebagai satu ingatan dan sejarah sepanjang tempoh demokrasi berparlimen di negara kita yang dicintai.

Mudah-mudahan Tuhan memberkati segala usaha murni kita.


Selamat membaca.



PERUTUSAN Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. SENATOR DATO' IR. WONG FOON MENG

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.



Kehadiran Buletin Parlimen kali ini amat sesuai ketikanya iaitu sempena sambutan ulang tahun ke-50 Parlimen Malaysia. Usaha murni ini dapat mendokong amalan demokrasi dan menyumbang dalam memantapkan lagi institusi Parlimen.

Buletin Parlimen keluaran kali ini pastinya lebih bermakna kerana merakamkan pelbagai aspek sejarah perkembangan 50 tahun Parlimen Malaysia seiring dengan perkembangan pesat institusi Parlimen dalam membina negara.

Kemerdekaan negara selama 52 tahun ini telah dapat dikecapi hasil semangat perpaduan, bertoleransi dan saling memahami. Sesungguhnya perpaduan menjadi benteng kepada keharmonian dan kestabilan negara. Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri adalah pendekatan yang paling penting dan relevan pada masa ini. Pendekatan 1Malaysia bukan sahaja mencakupi perpaduan nasional, tetapi juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk membela rakyat keseluruhannya.

Kemerdekaan sewajarnya dihargai sementara institusi Parlimen dihormati dan disanjung tinggi oleh semua lapisan rakyat. Semoga kemunculan Buletin Parlimen Malaysia akan dapat meningkatkan kefahaman tentang peranan Parlimen sebagai badan penggubal undang-undang utama negara.

Saya ingin mengucapkan sekalung budi, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen untuk penerbitan Buletin Parlimen kali ini yang lebih bermutu dan menarik.

Tahniah dan syabas.

PERUTUSAN

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Y.B.TAN SRI DATUK SERI UTAMA PANDIKAR AMIN HAJI MULIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdullillah, tahun ini genaplah 52 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Saya berasa amat bersyukur kerana sepanjang tempoh tersebut, sistem pemerintahan negara kita yang berpandukan kepada sistem Demokrasi Berparlimen Raja Berpelembagaan telah berjalan dengan baik dan lancar sehingga kita dapat membina negara dalam keadaan aman dan harmoni. Kesyukuran saya menjadi lebih bermakna kali ini, kerana institusi Parlimen yang merupakan pelengkap dalam memperkuuhkan keseluruhan amalan demokrasi negara masih berdiri teguh walaupun ada kalanya martabat Parlimen cuba dicabar oleh beberapa pihak tertentu. Justeru, usaha menerbitkan Buletin Parlimen pada kali ini lebih istimewa berbanding terbitan-terbitan sebelumnya kerana secara kebetulan, pada tahun ini Parlimen Malaysia juga menyambut Jubli Emasnya.

Adalah menjadi harapan saya agar Buletin Parlimen pada keluaran kali ini akan mencatat sejarah kerana berjaya memuatkan segala peristiwa penting dalam perkembangan Parlimen sejak sesi pertama berlangsung pada 11 September 1959 sehingga kini. Paparan peristiwa ini penting bukan sahaja untuk tujuan memberikan maklumat dan pengetahuan, tetapi juga bagi menimbulkan kesedaran betapa institusi Parlimen ini perlu terus utuh dan dipertahankan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sejajar dengan perubahan suasana dan landskap Parlimen kebelakangan ini, rakyat dan orang awam semakin tertarik untuk mengikuti setiap perkembangan yang berlaku di Parlimen Malaysia. Apa yang jelas, pengurusan Dewan Rakyat telah menjadi semakin mencabar dan memerlukan kesabaran terutamanya dalam menangani pelbagai situasi semasa perbaasan. Sungguhpun demikian, sepanjang tempoh saya sebagai Yang di-Pertua, saya komited untuk sentiasa mengamalkan sikap profesional dan tidak memihak. Segala keputusan yang diambil adalah dengan penuh kesedaran dan niat untuk menjaga kewibawaan, integriti dan martabat Dewan yang mulia ini. Apa juga tindakan serta keputusan yang telah diambil, dibuat dengan penuh berhemah dan berhikmah bagi memastikan kelancaran perbaasan dan keharmonian Dewan terpelihara.

Justeru itu, saya juga mengharapkan agar Ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka agar dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya dengan menghindari perkara-perkara yang menyalahi peraturan Dewan. Yakinlah bahawa dengan berbahas secara berhemah dan tertib, tidak akan menjelaskan kredibiliti Ahli Yang Berhormat sebaliknya akan menjadikan Ahli Yang Berhormat lebih dihormati dan disegani. Berbahaslah dengan baik dan sumbangkanlah idea dan pendapat yang bernas semasa perbaasan bagi kepentingan rakyat yang diwakili khususnya dan rakyat keseluruhan amnya. Saya sesungguhnya mengalu-alukan penyertaan yang lebih aktif dan menyeluruh oleh semua Ahli Dewan Rakyat supaya sesuatu isu yang dibincangkan itu dapat diperbahaskan dengan lebih komprehensif. Namun, bagi meningkatkan mutu perbaasan, saya mengharapkan agar semua Ahli Dewan Rakyat memfokus kepada isu yang dibentangkan, mengelak daripada mengulangi hujah yang sama Ahli Dewan Rakyat yang lain, sentiasa mematuhi peraturan Dewan dan cuba untuk saling menghormati antara satu dengan yang lain.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan fikiran dalam merealisasikan penerbitan Buletin Parlimen kali ini. Saya berharap Buletin Parlimen ini akan memberikan manfaat kepada semua pembaca khususnya dalam mendekati dan memahami peranan institusi Parlimen Malaysia agar dengan yang demikian kita akan lebih menghargai kewujudannya.

Sekian, terima kasih.





PERUTUSAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahun ini kita menyambut Jubli Emas 50 tahun Parlimen Malaysia. Semenjak mesyuarat pertamanya pada 11 September 1959, pelbagai peristiwa dilalui dalam meniti usia 50 tahun ini, namun sistem demokrasi berparlimen di negara ini tetap utuh dijunjung, digenggam malah makin berkembang dan teguh diperjuangkan.

Berteraskan prinsip-prinsip yang digariskan, perlembagaan sebagai undang-undang persekutuan dan sumber rujukan, pentadbiran yang menjunjung Raja Berperlembagaan, demokrasi berparlimen dan kedaulatan undang-undang, negara kita Malaysia, sedang memacu ke arah kejayaan, dihormati dan disegani di arena antarabangsa.

Perpaduan dan persefahaman antara kaum; Melayu, Cina, India dan lain-lain mengikat struktur kontrak sosial yang menjadi nadi perpaduan negara. Bak kata pepatah, "Bersatu teguh, bercerai roboh." Simbiosis yang erat, dipupuk sejak laungan kemerdekaan ini dijaga baik dan institusi Parlimen adalah medan yang tersohor mengukuhkannya selama ini.

Rentetan peristiwa yang berlaku sepanjang persidangan di Parlimen sejak 50 tahun lalu sehingga sekarang dan yang akan datang, telah dan pasti dilakarkan dalam pelbagai bentuk - tulisan, lakaran, gambaran, arkib digital dan lain-lain. Ini menjadi lipatan kenangan sejarah kebanggaan negara, sebagai rujukan pemimpin generasi akan datang.

Justeru perisian dan lakaran-lakaran dalam bentuk penulisan Buletin Parlimen ini mudah-mudahan dapat memberi manfaat dan dapat menyampaikan mesej serta memberi gambaran yang jelas mengenai peranan Parlimen Malaysia semenjak 50 tahun lalu, dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat berpanjangan, serta kemajuan dikecapi bersama.

Salam 1Malaysia

Tahniah

TAHNIAH kepada Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara pada 3 April 2009 lalu.

Pelantikan beliau adalah mengulangi sejarah bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, yang memegang jawatan nombor satu dalam kerajaan dari 1970 hingga 1976. Sebelum itu, beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Januari 2004.

Beliau juga pernah menjadi Menteri Pendidikan (1995-1999) serta dua kali dilantik sebagai Menteri Pertahanan pada Oktober 1990 hingga April 1995, dari Disember 1999 sebelum berpindah ke Kementerian

Ahli Parlimen Pekan
mengangkat sumpah
sebagai Ahli Dewan
Rakyat

Pelantikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6

Ekonomi pada tahun 1974.

Pemergian ayahandanya Allahyarham Tun Abdul Razak ke rahmatullah pada 14hb Januari 1976, menyebabkan beliau dipilih oleh UMNO dan Barisan Nasional untuk bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Pekan. Kehidupan politiknya bermula apabila beliau berjaya memenangi kerusi tersebut pada 21 Februari 1976, tanpa bertanding.

Pada zaman kanak-kanak beliau

sulung selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri, beliau menyebut "Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah saya abdiakan berkhidmat untuk rakyat. Semua ini lahir hasil daripada inspirasi dan dorongan serta suri teladan Allahyarham ayahanda saya. Memang saya tersentuh dan terpanggil untuk meneruskan agenda besar kerajaan untuk membasmikan kemiskinan, meluaskan akses kepada



Kewangan pada 17 September 2008. Beliau adalah Ahli Parlimen Pekan.

Dilahirkan pada 23 Julai 1953, hari Khamis, jam 12.40 tengah hari, di Kuala Lipis, Pahang. Beliau dibesarkan dalam keluarga bangsawan Pahang yang ternama dan terhormat. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mendapat pendidikan rendah dan menengah di St John Institution, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajarannya ke Malvern Boy's College, Worcestershire, England.

Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajarannya di University of Nottingham dan usaha gigihnya membuatkan hasil apabila beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang

banyak menghabiskan masa mengikuti ayahandanya beliau melawat ke kampung-kampung dan kawasan pedalaman. Melihat bagaimana ayahandanya beliau berinteraksi dengan orang ramai, beliau seakan mempunyai misi tertentu dalam hidupnya. Perasaan bangga terhadap ayahanda tercinta telah mendorongnya untuk berpolitik dan meneruskan perjuangan ayahandanya untuk membangunkan Malaysia.

Hari ini, sudah pasti seisi keluarga terutama bonda beliau Tun Hajah Rahah berasa bangga dengan komitmen yang ditunjukkannya semenjak bergelar Perdana Menteri Malaysia ke-6. Memetik kata-kata yang diucap oleh beliau dalam ucapan

pendidikan berkualiti untuk semua, serta meniupkan semangat sebuah generasi baru untuk menumpah khidmat kepada Malaysia". Luahan hatinya dalam ucapan tersebut jelas sekali menggambarkan hasrat beliau untuk meneruskan tugas, perancangan dan wawasan yang telah ditinggalkan oleh ayahandanya. Dengan itu bermulalah era kepimpinan Y.A.B.Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dan ucapan sulung beliau ditutup dengan mengajak seluruh warga untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat negara dengan semangat: **Satu Malaysia. Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.**



Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-15

Tahniah

Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara

– Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng –

DEWAN Negara pada 7 Julai 2009 mendapat Yang di-Pertua yang baru apabila Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara ke-15 menggantikan Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Hamid Pawanteh yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 6 Julai 2009. Pelantikan beliau dicadangkan oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan usul pelantikan itu dibawa ke mesyuarat Dewan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sebaik sidang bermula dan

disokong oleh Menteri Pengangkutan, Y.B. Datuk Seri Ong Tee Keat. Usul itu kemudian dipersejui sebulat suara oleh semua anggota Dewan Negara. Y.B. Dato' Ir. Wong, 55, sebelum ini adalah Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Beliau kali pertama dilantik pada 7 Jun 2004 dan dilantik semula bagi penggal kedua pada 7 Mei 2007. Beliau adalah bukan Melayu keenam dilantik ke jawatan itu selepas Tun Omar Ong Yoke Lin, Tan Sri Benedict Stephens, Tan Sri Chan Choong Tak, Tan Sri G Vadiveloo dan Tan Sri Michael Chen Wing Sum.

Tahniah

Srikandi Dewan Negara

PELANTIKAN Exco Wanita Umno ini sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ke-11 berlangsung pada 9 Julai 2009 dengan upacara mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara, Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng. Pelantikan Senator Datuk Armani, yang juga Ahli Dewan Negara sejak 9 Disember 2005 sehingga kini, dicadangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Usul pelantikan beliau dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebaik saja sidang bermula dan disokong oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Senator Mej Jen Datuk Jamil Khir Baharom (B).

Beliau bertekad untuk menggalas tanggungjawab ini sebagai satu amanah dan akan meminta pandangan dan nasihat mereka yang lebih

berpengalaman agar tugas dalam Dewan Negara boleh dilaksanakan secara efisien.

Pelantikan ini juga dilihat selaras dengan dasar kerajaan yang berhasrat untuk meletakkan suara wanita sebagai pembuat dasar dalam amalan demokrasi berparlimen.

Berbangga dengan pelantikan ini, beliau berharap akan menjadi perintis dalam menyemarakkan semangat wanita di seluruh negara untuk tampil penuh tekad dan memiliki keazaman tinggi. Tangan yang menghayun buaian, sesungguhnya mampu menggegarkan dunia. Justeru, sudah tiba masanya

wanita bangkit melakukan perubahan dengan mencebur pelbagai bidang profesional, selaras dengan dasar kerajaan.

Sebagai Ketua Pergerakan Wanita Umno Sabah, perjuangan dalam politik telah banyak membantu meningkatkan jatidiri dan pemahaman beliau terhadap kehendak masyarakat khususnya di peringkat akar umbi. Tidak relevan lagi andai kita menganggap wanita di negara ini dipinggirkan, sebaliknya suara wanita semakin didengari dan buktinya amat nyata, apabila kerusi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara diduduki oleh seorang wanita.

Y.B. Senator Datuk Armani Mahiruddin menandatangani watikah perlantikan.



UCAPAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT SEMPENA PERSARAAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Y.A.Bhg. Datin Sri Rosmah Mansor

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Puan Sri Dato' Ilham Hamid Abdullah

**Ahli-ahli Jemaah Menteri
Y.B. Timbalan-timbalan Speaker Dewan Rakyat, Dewan Negara**

Timbalan-timbalan Menteri

Y.B. Tan Sri/Puan Sri/Dato-Dato/Datin-Datin Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum permulaan madah,
Salam sejahtera pada semua,
Majlis malam ini sungguh bermakna,
Sempena persaraan Speaker Dewan Negara.**

**Buah Pauh buah Melaka,
Pokoknya tumbuh di tepi paya,
Hadirin hadirat yang bijaksana belaka,
Mohon izin meneruskan bicara**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Sewaktu saya diberitahu oleh Ketua Pentadbir Parlimen, Datuk Kamaruddin Mohamed Baria beberapa minggu yang lalu, bahawa saya perlu berucap pada malam ini bagi pihak warga Parlimen, reaksi spontan saya kepada beliau ialah, perlu lagikah saya berucap?

Beliau menjawab dengan ringkas, "Ya perlu Tan Sri" dan beliau memandang muka saya sambil tersenyum dan berkata, "Parlimen akan buat draf ucapan Tan Sri". Mungkin pada ketika itu, Datuk Ketua Pentadbir dapat membaca *body language* dan pemikiran saya bahawa saya tidak



Ucapan perpisahan Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh pada 6 Julai 2009

berapa "enthusiastic" untuk berucap. Bacaan Datuk Ketua Pentadbir itu tepat sekali.

Tetapi "ketidakenthusiasikan" (tidak *enthusiastic*) saya pada ketika itu bukanlah bermakna bahawa saya tidak sanggup atau tidak mahu berucap pada malam yang amat bersejarah ini. Reaksi spontan saya pada ketika itu mungkin boleh disamakan dengan reaksi Quincy Jones sewaktu ditanya oleh pemberita sama ada beliau akan menghadiri upacara pengkbumian Michael Jackson. Jawapan ringkas beliau adalah "tidak". Ditanya lagi kenapa "tidak", sedangkan Michael Jackson begitu rapat dengan beliau. Jawabnya ialah beliau belum boleh menerima kenyataan bahawa Michael Jackson telah meninggal dunia dengan umur yang semuda itu. Menurut beliau lagi, "*I want to remember him as he was the last time I saw him*".

Hadirin dan hadirat,

Sesungguhnya amanah yang saya pikul pada malam ini adalah amat berat. Menyampaikan ucapan dalam sebuah majlis yang diadakan sempena persaraan seorang individu yang telah terserlah ketokohnanya dalam pelbagai bidang sememangnya bukanlah mudah. Sewaktu merangka draf ucapan ini, fikiran saya berkecamuk. Perasaan saya tidak menentu.

Saya belum boleh menerima kenyataan bahawa Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Negara akan bersara pada bulan ini. Saya rasa sedih kerana saya

kehilangan sesuatu yang amat berharga. Saya kehilangan seorang teman baik dalam sebuah perjuangan yang amat mencabar. Saya kehilangan seorang penasihat. Saya kehilangan sumber inspirasi dan saya kehilangan seorang guru dan mentor.

Dan saya kehilangan kekuatan tempat bersandar sewaktu dalam keletihan setelah diasak dari kiri dan kanan setiap hari sewaktu persidangan oleh pejuang-pejuang demokrasi tanah air yang tidak pernah ketandusan idea dan tidak mengenal penat dan lelah. Fikiran mana yang tidak berkecamuk apabila mengenangkan bahawa insan yang meninggalkan medan perjuangan minda, masih bijaksana dan belum diserang penyakit lupa. Di dalam keadaan sebegini, mujurlah saya teringat pesan orang tua-tua, iaitu setiap ada permulaan tentu ada pengakhirnya. Sudah menjadi lumrah hidup tiada yang kekal selamanya. Yang baik akan pergi, yang tidak baik juga akan pergi. Yang tidak berganjak dan tidak pergi hanyalah ingatan.

Walaupun Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Ke-14, Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Hamid Pawanteh akan bersara dari jawatannya mulai esok, namun kami warga Parlimen Malaysia akan mengingati ketokohan Tan Sri. Kami ingat bahawa Tan Sri telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada 7 Julai 2003. Kami ingat sebelum Tan Sri dilantik ke jawatan yang teratas sekali di dalam Parlimen Malaysia, Tan Sri membawa bersama banyak pengalaman dan pengetahuan.

Kami ingat bahawa pada tahun 1982



sehingga tahun 1986, Tan Sri adalah Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Arau, Perlis. Kami ingat dari tahun 1983 sehingga tahun 1986, Tan Sri juga memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Kami ingat bahawa kerjaya Tan Sri dalam arena politik amat cemerlang baik di peringkat Persekutuan maupun peringkat negeri.

Kami ingat setelah meninggalkan jawatan sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat pada tahun 1986, Tan Sri diangkat pula ke jawatan Menteri Besar Negeri Perlis sehingga tahun 1995. Setelah tamat tempoh perkhidmatan sebagai Menteri Besar, kami ingat sekali lagi karier politik Tan Sri kembali ke Dewan Rakyat sebagai ahli mewakili kawasan Parlimen Kangar, Perlis.

Kami juga ingat bahawa jarang sekali di dalam negara ini ada insan yang cemerlang di dalam dua jurusan atau bidang. Tan Sri tergolong dalam “kejarangan” ini. Kami ingat bahawa Tan Sri juga cemerlang dalam bidang korporat. Tan Sri pernah diangkat menjadi pengurus beberapa syarikat tanah air yang terkemuka. Ini termasuk *Cement and Concrete Association of Malaysia; Heavy Industries of Malaysia (HICOM); Epin Securities Sdn Bhd; Amalgamated Industrial Bhd; Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn Bhd* dan Institut Jantung Negara.

Di samping itu, Tan Sri adalah Profesor Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak tahun 1997. Kami sedar dan akan ingat bahawa pengalaman luas yang Tan Sri bawa ke Parlimen Malaysia telah menokok tambah martabat Parlimen. Parlimen Malaysia tentunya bertuah sekali di bawah teraju kepimpinan Tan Sri. Tidak boleh dinafikan bahawa Dewan Negara telah menyaksikan peningkatan dalam kualiti perbahasan oleh Ahli-ahli Dewan Negara dalam era kepimpinan Tan Sri.

Kebijaksanaan Tan Sri sewaktu mempengerusi mesyuarat diakui oleh semua ahli. Ketegangan perbahasan dapat Tan Sri sejukkan dengan suara yang penuh ketegasan dan *authoritative*. Intervensi-intervensi Tan Sri sewaktu ahli-ahli bertikam lidah dengan pendirian masing-masing yang tidak tunduk kepada pihak lawan adalah penyedar yang mustajab.

Sewaktu Speaker Denision, Speaker *House Of Commons* meninggal dunia

pada tahun 1873, ditulis dalam akhbar *The Times* sebagai obituarinya seperti begini:

“The guiding touch of the presiding hand is not most truly felt in calls to order or sonorous decisions, but in the silent influence of personal character, and in quiet suggestions of temperate advice, by smoothing away difficulties, rather than in repressing discord.”

Saya berpendapat, kualiti seorang Speaker yang digambar oleh *The Times* itu ada pada diri Tan Sri. Sebagai seorang individu pula, kami akan ingat bahawa Tan Sri adalah insan yang tidak angkuh, penyayang, pemurah dan peramah. Wajah Tan Sri yang periang akan sentiasa terpahat di ingatan kami.

Bagi warga Parlimen suatu hari kelak, apabila mereka berjalan di lorong di mana potret Tan Sri digantung di dinding sebaris dengan potret-potret mantan Yang di-Pertua Dewan Negara, mereka sudah tentulah akan dapat membayangkan bahawa sesungguhnya Tan Sri mempunyai keperibadian yang mulia.

Bagi kami warga Parlimen yang pernah bertugas di Parlimen pada masa Tan Sri menerajui Dewan Negara, kata nasihat Tan Sri akan tetap kedengaran oleh kami semasa menjalankan tugas. Tan Sri Hamid Pawanteh, bagi pihak warga Parlimen dan semua hadirin, saya mengucapkan jutaan terima kasih ke atas sumbangan bakti Tan Sri kepada Parlimen Malaysia.

Kami juga mengharapkan agar Tan Sri dapat mencoretkan semua pengalaman Tan Sri semasa berkhidmat di Parlimen Malaysia di dalam buku untuk diwarisi oleh generasi mendatang khususnya yang meminati sistem demokrasi berparlimen.

Kami berdoa semoga Tan Sri dan keluarga tersayang berbahagia dan dirahmati oleh Allah SWT, dipanjangkan umur, disihatkan badan dan dimurahkan rezeki. Tan Sri, di dalam persaraan ingat-ingatlah kami !

*Songket Perlis rapi dijahit,
Elok dipakai masa kenduri
Walau bertangkup bumi dan langit
Tan Sri tetap kami ingati.*

Sekian.

Memori

Allahyarham Y.B. Senator Prof Dr. Ismail Salleh



Allahyarham Senator Profesor
Datuk Dr. Ismail Salleh

PEMERGIAN tokoh akademik dan ekonomi negara, Allahyarham Senator Profesor Datuk Dr. Ismail Salleh, 62 tahun, pada 27 Ogos 2009 adalah satu kehilangan besar dan tiada tolok gantinya. Pengorbanan Allahyarham dalam mengangkat martabat dunia pendidikan, membantu memacu ekonomi negara dan membela nasib golongan orang kurang upaya (OKU) sememangnya tidak terhitung.

Anak kedua daripada sembilan orang beradik, Profesor Datuk Dr. Ismail meneruskan pelajaran hingga ke Tingkatan Enam Atas dan seterusnya mendapat biasiswa MARA untuk melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat, telah mencipta sejarah apabila dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pertama dari komuniti OKU pada 18 Disember 2007.

Membina Kerjaya Melalui Kepuasan Bekerja



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh

HAKIKATNYA, kita bekerja dan membina kerjaya untuk mendapat kepuasan bekerja walaupun tujuan utama bekerja adalah untuk memenuhi matlamat dan manfaat kebendaan seperti untuk mencari nafkah yang halal, menyara keluarga dan memenuhi tanggungjawab. Tiada pihak yang dapat membantu mananya individu untuk mencapai kepuasan bekerja kecuali individu itu sendiri kerana setiap individu mempunyai kayu pengukur sendiri untuk menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada kepuasan bekerja. Oleh itu, hak menentukan kepuasan bekerja adalah milik setiap individu sendiri walaupun faktor luaran menyumbang kepada kepuasan bekerja.

Sebagai insan biasa, semestinya berkehendakkan kepada penghargaan dan pengiktirafan seperti pujian dan kata-kata yang mendorong dalam melaksanakan tugas. Memang sewajarnya kita menghargai tugas yang dilaksanakan dan mengiktiraf pencapaian tugas yang baik. Penghargaan yang sekecil-kecilnya ialah dengan mengucapkan terima kasih. Tetapi penghargaan yang sekecil itu pun akan memberi erti dan impak dalam prestasi seseorang. Maka pengiktirafan wajar diberikan sebagai penghargaan dan pendorong walau apa jua jawatan dan bidang pekerjaan.

Di peringkat organisasi, ramai yang berebut-rebut mahukan penghargaan dan pengiktirafan. Itu bukanlah luar biasa kerana kita semua manusia biasa.

Sementara itu, dalam institusi masyarakat yang menyediakan penghargaan dan pengiktirafan, serta menginsafi manusia tidak syumul maka sebaik mana pun mekanisme penganugerahan ini pasti tidak akan terlepas daripada kesilapan, kekurangan dan ketidakadilan seperti memberikan anugerah kepada individu yang tidak sepatutnya atau pada masa yang salah. Ini tentulah menimbulkan dan mengundang kepada ketidakpuasan hati anggota organisasi. Penilaian yang teliti sewajarnya dibuat untuk meminimakan kesilapan dalam pemilihan supaya anugerah ini bernalilai dan berkredibiliti.

Namun begitu, kita haruslah mengingatkan diri kita bahawa penghargaan dan pengiktirafan ini adalah faktor luaran yang asing daripada faktor dalaman iaitu kepuasan hati dan kebahagiaan. Penghargaan dan pengiktirafan sewajarnya melalui proses penilaian yang berterusan dan mampu mencungkil kebolehan dan potensi diri sebaik mungkin. Ketulusan dan keikhlasan bekerja untuk membina kerjaya akhirnya akan memberikan kepuasan bekerja yang lebih tinggi nilainya daripada penghargaan dan pengiktirafan itu sendiri.

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh
Yang di-Pertua Dewan Negara

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008 Dan Meraikan Persaraan & Pertukaran Pegawai/Kakitangan Parlimen Malaysia
Pada: 10/4/2009 (Jumaat)

Gagasan 1Malaysia: Agenda Membina Negara



Y.B. Datuk Dr. Ronald Kiandee

GAGASAN 1 Malaysia: Rakyat didahulukan, Prestasi diutamakan adalah konsep atau gagasan perpaduan nasional yang menjadi kesinambungan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara terdahulu. 1Malaysia adalah gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Gagasan ini adalah penting kerana kemajmukan rakyat negara ini adalah sumber kekuatan negara. Kerajaan komited untuk memastikan tiada rakyat yang terpinggir kerana setiap rakyat adalah sumber modal insan yang penting kepada negara.

Dalam hubungan ini, gagasan ini perlu diberikan interpretasi secara positif dan kemudian diterjemahkannya dalam kerja seharian bagi memastikan aspirasi negara seperti Wawasan 2020 tercapai.

Bagi meningkatkan prestasi, *Key Performance Indicators (KPI)* digunakan oleh semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan dijelmakan perlaksanaannya ke semua peringkat perkhidmatan untuk memastikan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam.

Y.B. Datuk Dr. Ronald Kiandee
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Perhimpunan Bulan Mei,2009
Pada: 25/5/2009 (Isnin)



Keikhlasan: Menyempurnakan Tugas

DALAM melaksanakan tugas yang diamanahkan kita hendaklah menyempurnakkannya dengan sebaik hemat, sebaik kebolehan dan sebaik keikhlasan. Tugas dilaksanakan bukanlah kerana inginkan pujian atau kenaikan gaji sahaja tetapi atas kesedaran tugas perlu dilaksanakan sebaik mungkin sehingga kita mendapat kepuasan dalam bekerja. Kebahagiaan adalah detik-detik kepuasan. Oleh itu, dalam menyempurnakan tugas buatlah yang terbaik supaya kita mendapat kepuasan bekerja dan seterusnya menikmati kebahagiaan. Dalam menyempurnakan tugas: "always give your best!" atau sentiasa curahkan yang terbaik daripada diri kita.

Teguran yang diberikan adalah bertujuan mencungkil yang terbaik

perasaan dendam. Kedua, tidak menerima idea yang dikemukakan atau tidak dapat membuat penyesuaian lalu mencari jalan pintas, analoginya, kita ke kanan, ke kiri, ke bawah ataupun ke atas untuk melepas rintangan (*obstacles*) dengan melalui titik pertembungan tanpa percanggahan personaliti atau *clash of personality*.

Setelah enam tahun, pada 6/7/2009 ini berakhirlah tugas saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Walaupun tugas saya telah berakhir tetapi saya berbangga institusi Parlimen terus teguh. Kehadiran kita di Parlimen ini untuk menjalankan tugas besar tetapi sebenarnya Parlimen mempunyai tugas yang lebih besar iaitu mendokong demokrasi. Oleh itu, yang penting bukanlah kita



dalam diri setiap individu bagi mendapatkan kewibawaan dalam menyempurnakan tugas. Kita harus melihat dunia di sekeliling kita dengan realiti sebenar kerana media kadang kala tidak menggambarkan hal sebenar. Oleh itu, *worldview* biarlah tepat.

Semasa berinteraksi mungkin berlaku pertembungan idea. Ada dua pilihan langkah yang boleh diambil. Pertama, menerima idea yang dikemukakan setelah membuat pertimbangan yang wajar dan seterusnya menyesuaikan (*adjustment*) diri kemudian terus melangkah tanpa

tetapi institusi Parlimen itu sendiri. Sepanjang tempoh perkhidmatan di Parlimen saya mendapat kepuasan dalam melaksanakan tugas hasil sumbangan dan sokongan setiap warga Parlimen. Saya amat menghargainya dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan memohon maaf atas segala kesilapan saya.

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh
Yang di-Pertua Dewan Negara

Perhimpunan Bulan Jun, 2009
Pada: 19/6/2009 (Jumaat)

Perubahan Landskap Institusi Parlimen

PARLIMEN MALAYSIA kini menjadi institusi yang cukup menarik dan menggamit perhatian ramai. Selepas pilihan raya ke-12, landskap atau suasana Parlimen telah berubah dengan penambahan bilangan Ahli Parlimen dan parti-parti yang diwakili. Kebelakangan ini rakyat begitu tertarik dan sentiasa mengikuti perkembangan Parlimen sebagai institusi yang mencorakkan kehidupan rakyat dan masa depan negara.

P em i m p i n - p e m i m p i n mengilhamkan dasar-dasar negara. Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4 telah mengetengahkan "Dasar Pandang ke Timur", BCA (Bersih, Cekap dan Amanah) dan sebagainya. Awalnya Dasar Pandang ke Timur ini sukar difahami malah mendapat tentangan daripada mereka yang pro kepada barat seperti Britain dan Australia. Tetapi akhirnya rakyat dapat menerimanya kerana asasnya rakyat dan pemimpin memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada pemimpin. Seterusnya, Tun Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) telah mananamkan konsep "Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" bagi membentuk pemikiran masyarakat Malaysia supaya rakyat mencapai yang terbaik. Kini tiba giliran Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri ke-6, yang mengemukakan dasar atau gagasan 1Malaysia: Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan. Ungkapan keramat ini adalah untuk membina masyarakat Malaysia yang majmuk supaya bersatupadu dalam membangunkan negara.

Dasar, konsep dan gagasan pemimpin negara asasnya akan berjaya jika rakyat memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada pemimpin untuk merealisasikan gagasan berkenaan. Rahsia kejayaan dasar-dasar atau konsep yang diperkenalkan oleh pemimpin terdahulu adalah kerana pemimpin dan rakyat bersatu hati mendokong

dasar-dasar ini dengan memberikan kesetiaan kepada pemimpin. Jentera perkhidmatan awam hendaklah bersatu hati dan memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kejayaan perlaksanaan gagasan 1Malaysia ini.

Dalam hubungan ini, pemimpin atasan wajar mengelakkan perpecahan dan perbalahan sesama sendiri. Begitu juga pegawai-pegawai atasan perkhidmatan awam. Hakikatnya, setiap pemimpin ada pengikutnya yang tersendiri dan perbalahan akan menyebabkan perpecahan sesama sendiri serta melemahkan organisasi keseluruhannya.

Setelah 15 bulan menjadi Speaker atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya menyedari bahawa saya perlu banyak bersabar dan tabahkan hati. Ada ketikanya secara peribadi saya tidak setuju dengan hujah yang diberikan tetapi sebagai Speaker saya sentiasa mengingatkan diri saya supaya sentiasa mematuhi peraturan mesyuarat dan berkecuali. Saya menimbang dan mengambil keputusan

dengan berhemah dan berhikmah bagi memastikan keharmonian Dewan dan perbahasan dapat berjalan dengan lancar.

Akhirnya, saya menyeru semua kakitangan Parliment supaya sentiasa *alert* atau waspada dengan situasi Parliment, menggunakan budi bicara dan akal fikiran dalam bertindak dan mengambil keputusan, serta mempertingkatkan usaha bagi menghadapi sidang Parliment akan datang yang dijangka terus mencabar. Kakitangan Parliment harus bekerja secara berpasukan dengan semangat "*collective responsibility*" kerana Parliment sentiasa mendapat perhatian umum.

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Bin Haji Mulia
Yang Di-Pertua Dewan Rakyat

Perhimpunan Bulan Julai, 2009
Pada: 21/7/2009 (Selasa)



Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Bin Haji Mulia

Perpaduan Benteng Kesejahteraan Negara

RAKYAT perlu mempunyai persepsi yang betul dan jelas tentang dasar dan agenda kerajaan. Dalam suasana hari ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab penjawat awam bagi mengelakkan kekeliruan dan tanggapan yang salah dalam kalangan rakyat atau orang awam, agensi atau NGO malah dalam kalangan penjawat awam sendiri.

Sehubungan itu, pendekatan 1Malaysia wajar diserapkan dalam pentadbiran, dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan serta perlu mengambil kira semua pihak supaya tidak ada pihak yang terasa diketepikan.

Kerajaan telah membuat pelbagai dasar antaranya liberalisasi



Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Fong Meng

ekonomi dan perkhidmatan sosial iaitu sebanyak 27 sektor perkhidmatan telah diliberalisasikan supaya dapat menarik lebih ramai pelabur ke negara ini. Adalah perlu untuk menarik lebih ramai pelabur bagi memastikan ekonomi terus berkembang supaya pekerjaan baru dapat diwujudkan.

Kepesatan ekonomi negara akan menjana pendapatan negara supaya kerajaan akan terus dapat menyediakan projek pembangunan rakyat .

Setiap warganegara perlu memastikan rakyat Malaysia mempunyai semangat berkhasi sayang sesama kita tanpa mengira kaum, bangsa dan agama kerana perpaduan adalah benteng kesejahteraan negara. Semua agenda dalam membangunkan negara haruslah menjurus kepada kepentingan semua kaum.

Semangat 1Malaysia perlu dilaksanakan tanpa was-was bagi memastikan keharmonian negara. Sesuatu dasar untuk menyatupadukan semua rakyat adalah sebaik-baik dasar untuk negara kita pada masa ini.

Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Fong Meng
Yang di-Pertua Dewan Negara

Perhimpunan Bulan Ogos 2009
Pada 21/08/2009 (Jumaat)



Pelantikan Ahli Dewan Negara

Februari 2009 – September 2009

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
Y.B. DATO SRI MOHD. EFFENDI BIN NORWAWI - PBB	16.02.2006 10.03.2009	15.02.2009 09.03.2012
Y.B. DR. MALASINGAM A/L MUTHUKUMARU - MIC	10.03.2009	09.03.2012
Y.B. TAN SRI DR. KOH TSU KOON - GERAKAN (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)	09.04.2009	08.04.2012
Y.B. DATO' DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN - UMNO (Timbalan Menteri Kewangan)	09.04.2009	08.04.2012
Y.B. MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B) - UMNO (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)	09.04.2009	08.04.2012
Y.B. DATO' SRI IDRIS JALA (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)	01.09.2009	31.08.2012
WILAYAH PERSEKUTUAN Kuala Lumpur		
Y.B. DATO' RAJA NONG CHIK BIN RAJA ZAINAL ABIDIN - UMNO (Menteri Wilayah Persekutuan)	09.04.2009	08.04.2012
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA		
Y.B. DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL - UMNO (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)	09.04.2009	08.04.2012

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI**

	TARIKH DILANTIK	HINGGA
KELANTAN		
Y.B. PUAN HAJAH MUMTAZ BINTI MD. NAWI - PAS	30.06.2006 30.06.2009	29.06.2009 29.06.2012
MELAKA		
Y.B. TUAN LEE CHEAM CHOON - MCA	04.08.2009	03.08.2012
NEGERI SEMBILAN		
Y.B. DATO' DR. YEOW CHAI THIAM - MCA	06.05.2009	05.05.2012
PAHANG		
Y.B. TUAN NG FOOK HENG - MCA Y.B. PUAN ZAITUN BT. MAT - UMNO	27.04.2009 27.04.2009	26.04.2012 26.04.2012
PERLIS		
Y.B. TUAN AHMAD BIN HUSSIN - UMNO	25.04.2006 25.04.2009	24.04.2009 24.04.2012
Y.B. TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD - UMNO	25.04.2009	24.04.2012
PULAU PINANG		
Y.B.M. TUNKU ABDUL AZIZ BIN TUNKU IBRAHIM - DAP	31.05.2009	30.05.2012
Y.B. TUAN MUSTAFA KAMAL BIN MOHD. YUSOFF - PKR	31.05.2009	30.05.2012
TERENGGANU		
Y.B. PUAN HAJAH ZAINUN BINTI A. BAKAR - UMNO	15.04.2009	14.04.2012



Ucapan tahniah oleh Yang di-Pertua Dewan Negara kepada Senator-senator yang baru dilantik.